

AKOA agih 25,300 bakul makanan di Pahang

Mohd Rafi Mamat - Jun 11, 2021 @ 1:17pm
bhnews@bh.com.my



Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Pahang mengagihkan bakul makanan kepada masyarakat Orang Asli di Kampung Tementong, Lipis. - Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Pahang dalam usaha mengagihkan 25,300 bakul makanan kepada ketua isi rumah (KIR) masyarakat Orang Asli di 328

penempatan di negeri ini yang terkesan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Pengarahnya, Johari Alwi, berkata agihan bermula minggu lalu dilakukan secara berperingkat membabitkan kampung tradisional dan rancangan penempatan semula (RPS) seluruh negeri ini.

Menurutnya, hingga kini pejabat JAKOA daerah mengagihkan lebih 700 bakul makanan kepada KIA masyarakat Orang Asli di beberapa penempatan di Lipis, Bera, Cameron Highlands, Maran dan Muadzam Shah.

Katanya, penghantaran bantuan terpaksa dilakukan secara berperingkat kerana faktor kedudukan penempatan Orang Asli jauh di kawasan pedalaman yang memerlukan masa yang lama untuk sampai selain turut menggunakan pengangkutan air.

"Saya memberi jaminan agihan bakul makanan akan dilakukan secepat mungkin dalam usaha meringankan beban masyarakat Orang Asli yang turut terkesan dengan pelaksanaan PKP 3.0.

"Ramai Orang Asli kini tidak dapat bekerja dan memasarkan hasil hutan menyebabkan pendapatan mereka terputus, untuk keluar membeli barangan keperluan juga terbatas," katanya, dihubungi hari ini.

Beliau berkata, antara barangan keperluan yang dibekalkan adalah beras, minyak masak, tepung, gula, kicap, sardin dan garam.

Bantuan berkenaan dapat meringankan beban mereka yang mungkin terputus makanan.

Johari menambah, Pekan menerima bantuan paling banyak iaitu sebanyak 4,949 bakul diikuti Lipis (3,871), Rompin (2,663), Muadzam Shah (2,333), Cameron Highlands (2,201) dan Bera (2,177).

Katanya, daerah Lipis mempunyai 67 penempatan terbanyak Orang Asli diikuti 41 di Muadzam Shah, 36 di Bera, 33 di Pekan, 27 di Cameron Highlands dan 25 di Rompin.

Semua 12 daerah di negeri ini mempunyai penempatan masyarakat Orang Asli.